

29 NOV 1996

Umno-Osu

PEMIMPIN UMNO SABAH SAMBUT BAIK PERLANTIKAN OSU

KOTA KINABALU, 29 Nov (Bernama) -- Bekas Ketua Menteri Datuk Salleh Said mengetuai barisan tokoh Umno Sabah menyambut baik perlantikan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Haji Sukam sebagai Ketua Perhubungan Umno Negeri yang baru.

Salleh yang sebelum ini menerajui Umno Sabah, berkata beliau yakin Osu akan dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan.

Katanya perlantikan itu adalah sesuai sekali memandangkan Osu seorang pemimpin kanan parti dan memegang jawatan menteri persekutuan.

"Saya akan memberikan sokongan penuh kepada Osu dan saya juga yakin beliau akan mendapat sokongan anggota-anggota Umno di peringkat bahagian dan cawangan," katanya di sini hari ini.

Perlantikan Osu ke jawatan itu bersama-sama perlantikan barisan pemimpin lain dalam parti, diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di ibu negara semalam, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno.

Dalam pemilihan parti itu pada 10 Okt lepas, Osu dan Salleh serta Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Shafie Apdal di pilih sebagai anggota Majlis Tertinggi.

Setiausaha Perhubungan Umno Negeri, Datuk Yahya Hussin berkata Osu mampu memimpin Umno negeri secara berkesan kerana kedudukan sebagai menteri pusat, akan memudahkannya menyalurkan sebarang perkara berhubung kerajaan dan parti kepada pucuk pimpinan kerajaan.

Shafie yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno Negeri turut menyambut baik perlantikan itu dan berjanji memberikan sokongan penuh kepada Osu dalam menjalankan tugas mengetuai parti di Sabah.

"Osu adalah seorang pemimpin yang berpengalaman luas dalam politik dan sudah tentu ini akan memperkuat jentera parti," katanya.

-- BERNAMA

KG MAI